



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 24 MEI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	FARMERS LOOK FORWARD TO CASH AID, NATION, THE STAR -7 CASH AID FOR DIESEL TO BENEFIT 7,000 FARMERS, NATIONAL, THE SUN -3	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
3. 4. 5. 6.	DUA BOT NELAYAN DITAHAN LANGGAR SYARAT LESEN, NEGERI KELANTAN/TERENGGANU, SINAR HARIAN -25 TAK PERLU BERI TUNAI ELAK DISALAH GUNA, NASIONAL, SINAR HARIAN -5 USAHAWAN CENDAWAN TIRAM BANTU ASNAF BUKA PERNIAGAAN, NEGARA, KOSMO -9 LAMBAKAN IKAN TAMBAN REZEKI BUAT PENDUDUK KUALA KEMAMAN, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Farmers look forward to cash aid

KOTA BARU: The cash assistance for owners of private diesel vehicles will benefit more than 7,000 farmers cultivating about 2,645ha of padi under the Kemubu Agriculture Development Authority (Kada) in Kelantan.

Kelantan Padi Farmers Association chairman Zuha Ismail said the initiative showed that the government was concerned about the welfare of farmers.

“Agriculture, especially rice cultivation, is the main occupation for most villagers in Kelantan.

“This cash assistance for diesel will complement all the existing assistance,” he said.

Zuha said agricultural activities involved significant diesel usage, from the seeding process to the crop sale, Bernama reported.

Meanwhile, Malay Express Bus Operators Association Peninsular Malaysia president Laili Ismail hopes that the monthly diesel supply subsidy for express bus operators will continue indefinitely.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/5/2024	THE SUN	NATIONAL	3

Cash aid for diesel to benefit 7,000 farmers

KOTA BHARU: The cash assistance for owners of private diesel vehicles announced by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim will benefit more than 7,000 farmers.

These farmers are those cultivating about 2,645ha of padi under the Kemubu Agriculture Development Authority (Kada) in Kelantan.

"Agriculture, especially rice cultivation, is the main occupation for most villagers in Kelantan. This cash assistance for diesel will complement all the existing assistance," Kelantan Padi Farmers Association chairman Zuha Ismail said yesterday.

Zuha said agricultural activities involve significant diesel usage, from the seeding process to the crop sale, adding that this assistance will reduce their expenses while increasing their income.

"Young people have shown interest in agriculture after realising that it can generate good income using the correct methods and technologies.

"The government's continued efforts to prioritise the welfare of farmers will encourage more young people to take up this occupation," he said.

Meanwhile, Malay Express Bus Operators Association Peninsular Malaysia president Laili Ismail said the initiative announced by Anwar shows his concern for the people. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/5/2024	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN/ TERENGGANU	25

Dua bot nelayan ditahan langgar syarat lesen

KOTA BHARU - Dua bot nelayan tempatan ditahan dalam operasi berasingan selepas disyaki melakukan aktiviti perikanan pada jarak kurang 12 batu nautika dari pantai.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Erwan Shah Soahdi berkata, penahanan kedua-dua bot itu dilakukan ketika Op Damai/Op Naga Barat/Op Tiris di sekitar perairan negeri itu.

Menurutnya, penahanan pertama membabitkan bot nelayan tempatan Kelas C kira-kira jam 10.40 malam pada 9 Mei lalu di kedudukan 10.2 batu nautika dari Pantai Senok, Bachok.

"Bot dikendalikan tujuh kru berusia antara 24 hingga 49 tahun termasuk tekong disyaki warga Vietnam," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Tambahnya, bot kedua ditahan pada jarak kira-kira 24.1 batu nautika dari muara Tok Bali jam 11 malam pada 16 Mei lalu.

Erwan berkata, bot dikendalikan seorang tekong dan enam penumpang yang juga pemancing tempatan berusia antara 31 hingga 43 tahun.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 termasuk melanggar syarat sah lesen," katanya.

Tak perlu beri tunai elak disalah guna

Kerajaan disaran salur subsidi diesel melalui medium khas yang hanya boleh diakses masyarakat penjaja, peniaga kecil

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
SHAH ALAM

Kerajaan disaran nyalurkan subsidi diesel melalui medium khas yang hanya boleh diakses masyarakat penjaja dan peniaga kecil, sebagai mekanisme memastikan bantuan tunai yang diberikan hanya di belanjakan untuk bahan api tersebut demi mengawal kenaikan harga jualan.

Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, be-

liau optimis dengan pelaksanaan penyaluran subsidi diesel yang diumumkan kerajaan, namun mekanisme pengagihan subsidi kepada masyarakat peniaga menjadi perkara yang membimbangkan dan perlu diberi perhatian khusus.

Ini kerana, beliau berkata, sekiranya penyaluran subsidi tidak disalurkan kepada golongan yang tepat seterusnya gagal dimanfaatkan secara berhemah, ia boleh memberi kesan ketara kepada kenaikan harga jualan yang tidak terkawal.

"Platform khas perlu digunakan supaya kerajaan dapat pastikan subsidi diesel ini hanya boleh digunakan untuk isi sahaja. Kita sudah ada sistem In2Niaga dilancarkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop)... hanya peniaga sah yang layak mendapat akses kad debit tersebut.



ROSLI

"Boleh jadikan platform In2Niaga ini sebagai syarat dan mekanisme penyaluran subsidi dan kita dia dipantau oleh agensi kerajaan melaluinya.

"Tak perlu bernilai kepada peniaga kecil, tapi peruntukan subsidi melalui akses kad In2Niaga dan boleh ditetapkan untuk isi diesel sahaja," katanya kepada Sinar Harian.

Pengumuman penyaluran subsidi diesel oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyaksikan kerajaan terus menyediakan subsidi diesel kepada peniaga yang menggunakan kenderaan komersial bermotor diesel.

Ia melibatkan sepuluh jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), termasuk pengusaha bas dan teksi.

Kerajaan juga bersetuju menyediakan bantuan tunai kepada

pemilik individu kenderaan diesel yang layak termasuk petani kecil, pesawah dan peniaga kecil.

Mengulas lanjut, Rosli berkata, penggunaan kenderaan komersial bermotor diesel oleh golongan peniaga kecil tidak dapat dileakkan dan memerlukan kos purata kira-kira RM600 sebulan untuk urusan pembelian bahan mentah, termasuk berulang alik ke tempat perniagaan antaranya operasi pasar malam yang melibatkan beberapa kawasan berbeza setiap hari.

Namun tegas beliau, dalam apa jua keadaan, golongan peniaga kecil perlu mengutamakan kepentingan pelanggan dengan menawarkan harga jualan yang lebih murah berbanding pengusaha restoran yang jelas memerlukan kos operasi lebih besar.

"Perolehan subsidi diesel dengan kaedah yang tepat, menjadi sebab yang kukuh untuk golongan peniaga kecil tidak menaikkan harga jualan dengan sewenang-wenangnya.

"Sukar untuk memberi jaminan tiada kenaikan harga jualan, tetapi sekurang-kurangnya ia masih terkawal," ujar beliau.



Laporan Sinar Harian pada Khamis.

Usahawan cendawan tiram bantu asnaf buka perniagaan

2030 PERAK SEJAHTERA

IPOH - Terpaksa membuang lebih 70 kilogram (kg) cendawan tiram yang ditanamnya gara-gara tiada pembeli antara detik hitam dilalui usahawan, Fazila Mohd. Zin, 44, ketika dirinya baru menceburi bidang perniagaan sekitar tahun 2006.

Bagaimanapun, pemilik FM Farm itu memberitahu, kejadian itu tidak mematahkan semangatnya sebaliknya dirinya segera mendapatkan bantuan agensi kerajaan negeri bagi menimba ilmu tentang selok belok pertanian.

"Apabila tiada pembeli, saya terpaksa buang kerana cendawan ini cepat rosak seperti mana

sayur lain," katanya.

Fazila memberitahu, rentetan langkahnya mendapatkan bantuan, Jabatan Pertanian negeri menyediakan khidmat nasihat perniagaan dan penanaman selain bantuan mesin kepadanya.

Jelasnya, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) pula membantu dalam aspek pembungkusan serta pembekalan habuk kayu getah untuk mencipta bongkah cendawan.

"Di ladang tanaman saya, terdapat dua bangsal yang setiap satu boleh memuatkan 20,000 unit bongkah cendawan tiram.

"Setiap bongkah cendawan berupaya mencatatkan sehingga enam kali pusingan pengeluaran dalam tempoh tiga bulan, dengan hasil tuaian setiap bongkah mencecah purata 200 gram," ujarnya.

Menurutnya, setelah hampir 20 tahun melaksanakan tanaman tersebut, dia bersama Majlis



FAZILA menunjukkan cendawan tiram di ladangnya di Silibin, Ipoh kelmarin.

Agama Islam dan Adat Melayu

Perak (MAIPK) membantu golongan asnaf mengusahakan cen-

dawan tiram.

"Saya menyimpan hasrat untuk membesarkan lagi pernia-

gaan ini sekali gus mahu menembusi pasaran luar negara selain memenuhi permintaan domestik yang tinggi," katanya.

Jelas Fazila, produk cendawan tiram yang dihasilkan dengan bantuan tiga pekerja turut menerima Skim Pensijilan Organik Malaysia.

Penanaman cendawan tiram tersebut selari dengan *flagship* pertama pelan Perak Sejahtera 2030 yang diusahakan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad iaitu Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan) dan rancangan 1 Keluarga 1 Usahawan.

Pengarah Pertanian negeri, Norsiyenti Othman berkata, pihaknya akan terus memastikan pencapaian yang sama dapat dikekalkan merangkumi pelbagai jenis tanaman dan ternakan terutama dalam memenuhi ketertarikan makanan negara serta Perak sebagai pengeluaran produk pertanian.

Lambakan ikan tamban rezeki buat penduduk Kuala Kemaman

KEMAMAN -- Lambakan penangkapan ikan tamban di perairan Kuala Kemaman dekat sini pada musim panas ini bukan sahaja menguntungkan nelayan, malah memberi rezeki tambahan buat penduduk setempat yang mengambil upah menyangi ikan.

Rata-rata mereka yang kebanyakannya terdiri daripada suri rumah mampu menyangi sekurang-kurangnya 150 kilogram (kg) ikan tamban sehari sejak dua bulan lalu.

Seorang penduduk, Zawiyah Daud, 65, berkata, permintaan menyangi ikan tamban yang me-

rupakan bahan asas utama keropok lekor dan keping melonjak sejak bermulanya musim panas pada bulan Mac lalu.

"Saya difahamkan pendaratan ikan tamban di Jeti Nelayan Kuala Kemaman di sini meningkat pada musim panas ini.

"Setiap hari, pembekal isi ikan untuk pengusaha keropok menghantar purata tujuh tong ikan tamban seberat 100 kg setiap satu untuk disiang oleh kami," katanya ketika ditemui di Kampung Feri, Kuala Kemaman di sini semalam.

Kuala Kemaman yang meru-

pakan perkampungan nelayan popular dengan perusahaan produk hiliran seperti keropok lekor dan keping serta sata, otak-otak dan pais di daerah ini.

Zawiyah berkata, kebiasaannya tugasan menyangi ikan dilakukan secara berkumpulan terdiri daripada enam penduduk kampung.

Jelasnya, mereka menerima upah RM50 bagi setiap 100 kg ikan tamban yang disiang.

"Alhamdulillah pada musim panas ini, secara purata saya mendapat upah menyangi ikan tamban RM150 sehari," ujarnya.



SEORANG penduduk yang mengambil upah menyangi ikan tamban di Kampung Feri, Kuala Kemaman semalam.